

12/02/1999

Negara G15 perlu bermuafakat

Azizi Othman in Montego Bay (Jamaica)

MONTEGO BAY (Jamaica), Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua negara membangun sentiasa bermuafakat kerana ia adalah satu-satunya kekuatan yang tinggal untuk mereka mengelak daripada ditekan oleh kuasa besar dunia.

Permuafakatan dalam pelbagai isu, kata Perdana Menteri, penting bagi memastikan kemerdekaan negara membangun tidak terhakis oleh sikap unipolar atau mengutamakan kepentingan sendiri oleh negara maju yang ghairah melaungkan slogan kapitalisme untuk menguasai dunia.

Menurutnya, kekalahan komunisme dan sosialisme bermakna hanya satu fahaman politik dan ekonomi dibenarkan, tidak seperti era Perang Dingin apabila kapitalisme memperbaiki fahaman mereka agar lebih diterima.

"Hari ini, kapitalisme tidak perlu banyak bersaing untuk diterima. Hasilnya, aspek paling teruk sistem itu didedahkan. Apa saja yang dibuat atas nama kapitalisme mesti diterima kerana takut dilabelkan sebagai menongkah arus," katanya.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika berucap mewakili Asia, di pembukaan sidang kemuncak kesembilan Kumpulan 15 Negara Membangun (G15), di sini.

G15 yang ditubuhkan sembilan tahun lalu dengan sidang kemuncak pertama diadakan di Kuala Lumpur, kini mempunyai 17 anggota iaitu Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia, Malaysia dan Sri Lanka.

Selepas majlis perasmian dan sesi mesyuarat ketua negara G-15 ditangguhkan petang ini, Perdana Menteri mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Venezuela, Hugo Chavez Frias.

Sambil menegaskan beliau dan Malaysia lebih suka mengambil risiko menghadapi tindakan dengan menyuarakan pendapatnya, Dr Mahathir berkata, dunia kini menyaksikan aspek paling teruk daripada fahaman kapitalisme baru.

Sehubungan itu, beliau berharap sidang kemuncak kali ini menjadi medan menimbulkan kesedaran `keruntuhan komunisme dan sosialisme yang sebelum ini diharap membuka lembaran baru kepada negara membangun, hanya meletakkan mereka dalam keadaan lebih tersepit'.

Menurutnya, perkara itu berlaku kerana faktor pengimbang pengaruh kapitalis kini sudah tiada, sekali gus menyebabkan dunia bersifat unipolar dan hanya memihak kepada kepentingan kuasa besar.

"Kita sebelum ini gembira ketika Perang Dingin tamat kerana percaya kebebasan dan keamanan akan menjadi milik kita.

"Malangnya hari ini, kita mendapati, hilangnya pilihan untuk menyokong ideologi itu melenyapkan terus sedikit kelebihan yang pernah kita miliki untuk mempertahankan kepentingan sendiri," katanya dengan disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Perdana Menteri berkata, permasalahan semasa juga berlaku kerana kuasa besar kini mendapati mereka tidak perlu lagi bersaing dengan sesiapa dan boleh berbuat sesuka hati, termasuk mengabaikan kepentingan negara membangun.

"Kemusnahan paling besar bagi kita yang selama ini antikomunis mungkin berlaku kerana keruntuhan ideologi komunisme sendiri. Kini tiada siapa boleh membela nasib kita," katanya.

Beliau meminta G15 supaya lebih proaktif dalam sebarang forum bagi memastikan kepentingan negara membangun sentiasa terpelihara kerana apa

yang dilakukan negara dunia ketiga sehingga kini belum mencukupi.

"Kita kecil dan kita juga lemah. Faktor yang menyatukan kita hanya sekelumit kepercayaan bahawa kita mempunyai banyak persamaan, perlu bekerjasama serta meningkatkan sedikit kekuatan yang ada supaya ia dapat digunakan untuk terus mempertahankan nasib," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan negara membangun, pihak yang berkuasa dan kaya sentiasa mengumpul kekuatan dengan bertemu, merancang dan melaksanakan strategi yang memberi kesan kepada dunia.

"Jelaslah kini jika kita mahu menjaga masa depan, kita mesti peka dengan kuasa yang ada di sekeliling, berbincang sesama sendiri lebih kerap dan mencari kata sepakat dalam pelbagai isu," katanya.

Menurutnya, negara membangun perlu meneliti arah aliran serta sistem yang cuba dikenakan rejim unipolar terutama globalisasi dan dunia tanpa sempadan, yang hanya menguntungkan sebelah pihak.

"Ketika dunia tanpa sempadan ditafsirkan sebagai hak modal mengalir ke mana saja tanpa syarat, rakyat negara miskin tidak boleh merentas negara kaya sebeb itu dan bagi mereka, kawat berduri dan pengawal sempadan masih tetap wujud," katanya.

Dr Mahathir berkata, kuasa besar kini bukan saja korup, malah sudah tidak boleh dicabar langsung kerana sesiapa yang cuba berbuat demikian akan menerima azab tidak terhitung.

"Setiap senjata yang ada pada mereka akan digunakan secara maksimum kepada pengkritik itu dan satu daripadanya ialah media.

"Sesiapa saja yang mengkritik kuasa mutlak media, akan dimomok sehingga ia kehilangan kredibiliti. Ini semata-mata untuk memastikan kuasa besar yang menyalahgunakan kuasa mereka, boleh terus berbuat demikian sewenang-wenangnya," katanya.

Perdana Menteri menjadikan pengalamannya beliau yang sering menjadi sasaran kritikan media asing sebagai contoh.

"Ketika saya menyelar peniaga mata wang kerana tindakan mereka menyerang mata wang negara Asia Timur dulu, saya dihukum dengan nilai mata wang negara saya diturunkan lebih banyak lagi.

"Saya pernah disuruh untuk senyap dan mengalah. Saya enggan dan akibatnya nilai mata wang, pasaran saham dan imej Malaysia terjejas. Apa yang saya katakan hari ini pun mungkin memberi kesan buruk lain.

"Saya tahu saya mungkin ditohmah atau menerima pelbagai kritikan lagi tetapi apalah semua itu jika dibandingkan dengan pentingnya saya menyatakan perkara ini.

"Itu adalah risiko yang saya dan negara saya sendiri perlu ambil kerana saya berpendirian bahawa saya perlu mengatakan apa yang perlu dikatakan," katanya ketika mengakhiri ucapan.

(END)